

# UKM perluas program Masterclass Entrepreneurship

**KUALA LUMPUR 18 Feb.** - Program Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Masterclass Entrepreneurship yang berjaya menghasilkan seramai 13 usahawan pelbagai bidang akan diperluaskan melibatkan penyertaan pelajar dari universiti lain di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Fakulti UKM yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, pihaknya kini sedang menstruktur semula program keusahawanan satu semester itu bagi membolehkan para pelajar dari universiti lain untuk menyertainya.

"Program pertama kali diadakan ini telah berjaya melahirkan seramai 13 usahawan, terdiri daripada pelajar

UKM dari pelbagai fakulti.

"Menariknya, program yang berlangsung selama 13 minggu ini bukan hanya diadakan di dalam kelas tetapi juga di luar kelas yang mana peserta bermula dengan konsep idea perniagaan dan kemudian menggilap idea tersebut secara praktikal sehingga menghasilkan produk untuk dipasarkan.

"Ini yang pertama kita adakan dan akan dibuat lagi. Kita sedang merancang kerana universiti-universiti lain pun bertanya dan akan cari kaedah bagaimana nak melibatkan institusi lain juga," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas penutupan program Young Entrepreneurs Showcase (YES) di sini hari ini.